

# واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN

III

MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN  
IV

واريتن كلنتن  
WARISAN KELANTAN  
III

Diselenggarakan oleh  
Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh



Diterbitkan oleh:  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan  
Istana Jahar  
Kota Bharu, Kelantan.

# Kandungan

VII	<b>PRAKATA</b>
IX	<b>PENDAHULUAN</b>
1	<b>PERKEMBANGAN PENULISAN SEJARAH KELANTAN DAN TINJAUAN MENGENAI SUMBER-SUMBERNYA</b> <i>Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh</i>
38	<b>SRIWIJAYA AWAL</b> <i>Abdullah bin Mohamed (Nakula)</i>
66	<b>SEJARAH HUBUNGAN KELANTAN/PATANI DENGAN SULAWESI SELATAN</b> <i>Abdul Rahman Al-Ahmadi</i>
87	<b>BANDAR KOTA BHARU: SEJARAH PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGANNYA</b> <i>Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh</i>
112	<b>ABDUL KADIR ADABI DAN PERJUANGANNYA</b> <i>Abdul Rahman Al-Ahmadi</i>
132	<b>BIODATA PENULIS</b>


# Prakata

**S**AYA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sekali lagi dapat menerbitkan monograf keempatnya. Saya berasa bangga dan gembira kerana monograf keempat ini dapat diterbitkan bersempena dengan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ketiga Puluh Empat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan, Darulnaim.

Monograf Keempat ini, yang juga memakai nama "WARISAN KELANTAN" adalah lanjutan kepada usaha Perbadanan ini untuk mengumpul, mengkaji dan membukukan bahan-bahan yang berkaitan dengan sejarah dan budaya Negeri Kelantan untuk pengetahuan umum, khususnya golongan muda-mudi masa kini, dan generasi akan datang.

Adalah diharapkan semoga rencana-rencana yang terkandung dalam monograf terbitan ini akan menarik minat lebih ramai lagi penulis-penulis tempatan untuk berusaha mengumpul, mengkaji dan menulis pelbagai aspek yang ada hubungan dengan sejarah dan budaya Negeri Kelantan.

Perbadanan ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti di atas usaha dan peranan yang dimainkannya bagi menjayakan penerbitan monograf ini.



(HAJI ARIFFIN BIN SAID PSK, PCM, AMS)  
Timbalan Menteri Besar/merangkap  
Pengerusi,  
Perbadanan Muzium  
Negeri Kelantan

Kota Bharu, Kelantan  
26 Mac 1984

## Pendahuluan

**S**EBAGAIMANA yang pernah disebut dalam terbitan-terbitan yang lalu sebelum beberapa tahun kebelakangan ini Kelantan kurang diberi perhatian dalam persejarahan Malaysia. Di masa-masa yang lalu, selain daripada riwayat kedudukan Kelantan dalam hubungan di antara pihak Inggeris dengan pihak Siam dalam konteks sejarah Malaysia para sejarawan dahulu kurang memberi perhatian kepada unsur-unsur yang bukan bersifat politik dalam penulisan sejarah Kelantan. Bahkan di dalam bidang politik pun terdapat kecenderungan untuk menumpukan perhatian kepada kegiatan kuasa-kuasa politik antarabangsa lebih daripada pergolakan politik di dalam masyarakat tempatan di Kelantan. Justeru itu maka penuntut sejarah mempunyai perspektif dan pandangan sejarah Kelantan yang amat terbatas. Pada hal jika kita kaji sumber-sumber sejarah Kelantan yang ada ternyata sekali bahawa banyak juga pergolakan politik dan lain-lainnya lagi yang telah berlaku di dalam masyarakat Kelantan dan pergolakan-pergolakan itu setakat ini pada keseluruhannya belum lagi diperkenalkan atau diketengahkan selengkapnya untuk bacaan dan pengetahuan penuntut sejarah Kelantan. Hal ini berlaku disebabkan juga kerana boleh dikatakan kebanyakan daripada sumber-sumber sejarah Kelantan yang ada adalah masih di dalam bentuk manuskrip, yakni di dalam bentuk tulisan tangan, dan belum dicetak dan dikaji.

Walau bagaimanapun sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah ada usaha oleh universiti-universiti di tanahair khususnya Jabatan Sejarah dan Persatuan Sejarah di universiti-universiti tersebut seperti Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan, Persatuan Sejarah Malaysia dan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kelantan serta penulis-penulis sejarah secara individu yang telah menerbitkan buku-buku dan rencana-rencana yang berkaitan dengan sejarah dan budaya negeri Kelantan. Usaha ini adalah merupakan satu pertanda yang baik lagi menggalakkan ke arah penulisan sejarah Kelantan yang lebih lengkap dan sempurna. Menyedari hakikat betapa penulisan sejarah dan budaya negeri Kelantan yang lebih lengkap dan sempurna masih lagi amat kekurangan maka Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mengambil daya utama menerbitkan monografinya sendiri di bawah siri "WARISAN KELANTAN" yang dikeluarkan tiap-tiap tahun sejak dari tahun 1981. Dengan terbitan siri "WARISAN KELANTAN" ini adalah diharapkan pengumpulan, kajian dan penulisan aspek-aspek yang